

Jihad dalam membudayakan ilmu

Mampu memartabatkan Islam

ikhwan

Oleh DR. NUR A'THIROH MASYAA'IL TAN AI PAO

Pensyarah di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM
athirohtan@hotmail.com



DUNIA Islam kini sedang dipanggang oleh api kezaliman Yahudi dan musuh-musuh Islam. Islam dilabelkan sebagai agama pengganas, fundamentalis, ekstremis dan bermacam lagi. Sedangkan Islam adalah agama suci yang diredai Allah SWT dan dijamin kesejahteraan hidup dunia serta akhirat.

Para pendakwah, ulama dan mujahid Islam dicop sebagai militan. Sedangkan pengganas sebenar dianggap wira sejagat. Yahudi dan puaknya semakin berani menghina Allah dan Rasulullah.

Natijahnya, segala tohmahan ini menyebabkan kehidupan umat Islam dilanda kemelut berpanjangan. Justeru, perlulah diluruskan pemahaman terhadap Islam, agar umat Islam kembali menghayati Islam yang bersumberkan

al-Quran, sunnah, ijmak dan qias.

Umat Islam merupakan umat istimewa yang membawa misi peradaban dan kesejahteraan kepada dunia serta dilantik oleh Allah SWT sebagai pemimpin kepada umat manusia. Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 143: "Dan demikian pula Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil (pertengahan) dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia agar Rasul (Muhammad) menjadi

saksi atas (perbuatan) kamu,"

Ulama terkenal, Dr. Yusuf Qaradawi dalam bukunya, "Sanggahan Salah Tafsiran Islam" menyatakan antara krisis umat Islam yang amat membimbangkan ialah pemikiran, kekurangan ilmu pengetahuan dan moral. Akibat kemunduran umat Islam, terjadilah kebekuan fikiran, tafsiran melulu dalam bidang fikah, keraguan dalam akidah, mengangap ibadah sebagai adat

kebiasaan dan berlebih-lebihan dalam tasawuf.

Oleh demikian, kita harus bangun dan membetulkan kefahaman terhadap Islam dengan mengikuti jalan yang sebenarnya.

Dengan bekalan ilmu di dada dan berfikir terlebih dahulu sebelum bertindak, kerana fikiran adalah pangkal pekerjaan yang benar, manakala ilmu pengetahuan adalah penyuluh ke arah kebenaran.

UMAT Islam tidak boleh hanya duduk berpeluk tubuh sahaja tetapi perlu berusaha menguasai bidang ilmu pengetahuan yang pelbagai.
- GAMBAR HIASAN

